

Makalah / Article

Prioriti Sukan dalam Motif Percutian Pelancong

Sports Priority in Vacation Motives

JABIL MAPJABIL

ABSTRAK

Sejajar dengan perkembangan pelancongan sukan dan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa yang semakin pesat di Malaysia, kajian tentang prioriti sukan dalam motif percutian perlu dilakukan kerana ia mempengaruhi tahap penglibatan dan responsif mereka terhadap subpelancongan berkenaan. Artikel ini meneliti tentang sejauh mana prioriti diberikan kepada faktor sukan dalam keputusan untuk melancong sebagai satu kajian awal di Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan 190 orang responden dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini menunjukkan prioriti sukan sebagai motif percutian secara relatif adalah rendah berbanding dengan tujuan untuk bercuti, rekreasi dan mengisi masa lapang serta melawat rakan dan saudara-mara. Responden berpendapat aktiviti rekreasi adalah lebih penting berbanding dengan kecergasan, mengisi masa lapang dan hiburan, namun secara puratanya menunjukkan nilai melebihi 82%. Hasil kajian turut mendapati 74.7% daripada responden menggunakan kemudahan sukan dan rekreasi di tempat penginapan dan 63.2% menyertai aktiviti sukan dan rekreasi dapat memenuhi masa lapang (83.2%) serta dapat menarik minat pelancong untuk melibatkan diri dan menyaksikan acara berkenaan (82.6%). Secara keseluruhannya, prioriti sukan dalam motif percutian terutamanya dalam kalangan penduduk masih rendah. Pelbagai strategi dan langkah perlu dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan penduduk tempatan, pelawat harian dan pelancong dalam sukan khususnya ketika melancong ke sesuatu destinasi peranginan.

Kata kunci: Penganjuran sukan, pelancongan sukan, prioriti sukan, motif percutian, tarikan sukan

ABSTRACT

In line with the flourishing development of sports tourism and the organization of international sports events in Malaysia, studies on sports priority in vacation motives would furnish fresh information on this sub-tourism. This paper presents the findings of a preliminary questionnaire study of 190 respondents on how far the sports factor would be given priority in their decision making on travelling in Penang. It was found that sports priority as a vacation motive was relatively low compared with other vacation motives such as recreation, leisure and visiting friends and relatives. The majority of respondents (>82%) regarded recreation as more important than physical fitness and entertainment. Findings also showed that while 74.4% of the respondents utilized the sports and recreation facilities provided in accommodation premises, only 63.2% participated in sports and recreation activities. Respondents agreed that sports and recreation events would not just fill their spare time (83.2%) but also become a tourist attraction (82.6%). In conclusion, it is time that strategies and measures be implemented to enhance the sports attraction of Malaysian resorts.

Keywords: Sports organization, sports tourism, sports priority, vacation motives, sport attraction

PENGENALAN

Sektor pelancongan dibangunkan untuk menghasilkan faedah ekonomi dari segi perolehan pertukaran asing, pendapatan negara, guna tenaga dan hasil kerajaan yang dianggap sebagai pemangkin untuk pembangunan sektor ekonomi lain seperti pertanian, perhutanan dan pembuatan. Selain itu, sektor ini juga menjadi teras utama kepada pembangunan infrastruktur seperti kemudahan pengangkutan, perniagaan, telekomunikasi

dan sebagainya, di samping turut membantu di dalam keperluan ekonomi setempat. Sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah negara dan antara sektor terbesar di dunia. Sektor ini menyumbang sebanyak 11% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia. Hasil pengeluaran yang diperolehi daripada sektor pelancongan dijangka meningkat kepada 1.8 bilion menjelang tahun 2020. Pertubuhan pelancongan sedunia (WTO) menganggarkan perjalanan pelancong

antarabangsa akan mencecah angka 1.6 bilion menjelang tahun yang sama (WTO 1997 dalam Badaruddin Mohammad 2008).

Salah satu tarikan pelancongan pada ketika ini ialah aktiviti percutian berasaskan sukan dan kejohanan sukan di peringkat antarabangsa. Aktiviti percutian bercorak sukan ini dilihat semakin mendapat tempat dan popular di Malaysia. Pelancongan sukan merupakan platform terbaik bagi mempromosikan negara dan pada masa yang sama, produk pelancongan ini mampu memberi pulangan lumayan kepada industri pelancongan dan ekonomi negara. Malaysia adalah negara sedang membangun yang fokus dan konsisten dalam membangunkan produk pelancongan sukannya. Ini terserlah melalui komitmennya sebagai tuan rumah bagi acara tahunan seperti perlumbaan Formula 1 Petronas GP Malaysia, Regata Antarabangsa Raja Muda, *La Tour de Langkawi*, *Ironman Triathlon*, *World Amateur Inter-Team Golf Championship* dan *Putrajaya Boat Championship*. Manakala dalam sukan pelayaran pula, sebanyak sepuluh buah marina baru dibina di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Pinang dan Pulau Tioman (Yahaya Ibrahim 2008).


KERANGKA TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR

Sukan dan pelancongan merupakan aktiviti mengisi masa lapang yang paling popular di dunia (Ritche & Adair 2004). Kini, sukan dianggap sebagai fenomena sosial dunia yang terbesar (Kurtzman & Zauhar 2003). Pelancongan sukan wujud sebagai ikatan saling berhubungan antara dua aspek yang menarik iaitu sukan dan kegiatan pelancong. Pelancongan sukan termasuklah percutian sukan pasif (muzium sukan dan histrografi) dan percutian sukan aktif (selam skuba, lumba basikal dan golf) (Ritche & Adair 2006). Pelancongan sukan melalui penganjuran sukan bertaraf antarabangsa akan memberi faedah kepada komuniti tempatan dan mendapat liputan yang meluas daripada pihak media antarabangsa. Pelancongan sukan melibatkan suatu perjalanan yang memerlukan kos dan masa untuk sampai ke destinasi tuan rumah penganjur sesuatu acara sukan. Pada kelaziman, mereka yang terlibat adalah dalam kalangan yang menyertainya sebagai suatu pasukan seperti pengurus, jurulatih, pegawai dan pembantu sokongan serta atlit atau pemain. Selain itu, sebahagiannya adalah ahli keluarga atlit, peminat sukan atau mereka yang ingin menyaksikan sesuatu sukan itu secara langsung, ingin merasakan keseronokan, rasa hormat dan kagum dengan reputasi pemain dan prestij pertandingan tersebut (Jabil Mapjabil et al. 2009). Dalam kajian Weed & Bull (1999) terhadap pelancongan sukan di Malta mendapati kebanyakan daripada mereka bukan hanya melancong ke sesuatu tempat untuk bertanding sahaja, malah mereka juga akan bercuti dengan keluarga atau kawan mereka di tempat tersebut.

Agensi pelancongan, kerajaan tempatan dan media massa perlu memainkan peranan penting dalam mempromosikan produk pelancongan sukan untuk menarik kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa bagi menyaksikan acara sukan yang dilangsungkan, di samping para pelancong dapat menggunakan kemudahan sukan yang disediakan di tempat percutian. Weed & Bull (2004) menyatakan faktor-faktor seperti kemudahan sedia ada, keadaan persekitaran semula jadi, suasana lokasi kejohanan atau kehadiran seseorang yang mempunyai minat yang sama di tempat tersebut akan mendorong seseorang melibatkan diri dalam pelancongan sukan. Kerangka teori pelancongan sukan dapat diteliti dalam Rajah 1. Model dinamik bagi pelancongan sukan ini terbahagi kepada beberapa elemen penting dan perlu diambil kira dalam pelancongan sukan. Secara umumnya, produk pelancongan terdiri daripada empat jenis iaitu pelancongan pengembaraan, pelancongan kesihatan, ekopelancongan dan pelancongan sukan. Elemen pertama dalam model ini ialah kemudahan infrastruktur. Kemudahan infrastruktur pelancongan sukan dibahagi kepada dua jenis iaitu sumber semula jadi dan buatan manusia. Kemudahan semula jadi seperti gunung, laut dan hutan menjadi tarikan utama kepada aktiviti sukan seperti sukan lasak, sukan air dan aktiviti sukan rekreasi. Kemudahan infrastruktur buatan manusia pula seperti kemudahan penginapan, stadium, trek jogging, restoran dan sebagainya berperanan yang sebagai faktor sokongan kepada minat pelancong berkunjung ke sesuatu destinasi percutian, di samping mereka dapat melakukan aktiviti sukan di tempat tersebut. Selain itu, saling kaitan antara setiap peranan organisasi di dalam mengembangkan produk pelancongan sukan dan saling berhubungan antara satu sama lain turut dinyatakan dalam Rajah 1.

Rajah 1 turut menggambarkan pasaran pelancongan sukan seperti penganjuran acara sukan di peringkat domestik dan antarabangsa mempunyai faedah dan pulangan tertentu kepada setiap organisasi yang terlibat. Sebagai contoh, penganjuran sukan di sesuatu destinasi pelancongan akan mendatangkan kebaikan kepada pelancong dan komuniti tempatan. Ini kerana setiap kali penganjuran sesuatu acara sukan diadakan, terdapat lebih banyak peluang pekerjaan, kemudahan infrastruktur dibangunkan dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara serta dapat memperbaiki taraf hidup penduduk tempatan. Menurut Kurtzman & Zauhar (2006), untuk menganjurkan sesuatu acara sukan, kemudahan spesifik mungkin perlu diperbaiki dan kemudahan sedia ada perlu diperbaharui. Aspek ekonomi ini biasanya memaksimumkan kebaikan dalam jangka pendek serta mengekalkan nilai untuk jangka masa panjang. Kemudahan yang telah dibangunkan akan terus kekal dan menjadi tarikan utama kepada mereka yang mengunjungi destinasi pelancongan tersebut.

Di Malaysia, beberapa acara sukan bertaraf antarabangsa telah berjaya dianjurkan dan menerima



RAJAH 1. Model Dinamik bagi Pelancongan Sukan

Sumber: Diubah suai daripada Hudson 2003

liputan media massa di seluruh dunia. Kini, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan untuk mempromosikan negara sebagai tuan rumah kepada kejohanan sukan di rantau Asia Pasifik. Pelbagai kejohanan bertaraf dunia yang dianjurkan membuktikan bahawa Malaysia adalah salah satu destinasi pelancongan sukan yang popular serta berpotensi untuk dikembangkan menjadi salah satu produk pelancongan yang memberi pulangan kepada ekonomi negara. Penganjuran sukan antarabangsa seperti Sukan Komanwel 1998, Formula 1, *Powerboat Championship*, *La Tour de Langkawi* dan *Ironman Triathlon* adalah sebahagian daripada acara sukan yang mendapat pengiktirafan dunia (Kementerian Pelancongan Malaysia 2009). Menurut Mohd Rosly Selamat (1998), penganjuran Sukan Komanwel (SUKOM 98') di Malaysia telah mendatangkan faedah kepada sukan dan industri pelancongan di negara ini. Kejayaan penganjuran SUKOM 98' telah membuka mata seluruh dunia bahawa

Malaysia berpotensi untuk menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa dan sekaligus memperkenalkan Malaysia kepada masyarakat dunia. Sukan Komanwel adalah salah satu acara sukan terbesar yang mewakili 1.7 bilion penduduk iaitu satu per empat daripada penduduk dunia. Sebanyak 70 buah negara telah menyertai kejohanan ini yang disertai oleh 6,000 orang atlit. Selain itu, seramai 60,000 orang penonton telah menyaksikan pelbagai acara di kejohanan tersebut secara langsung dan manakala 500 juta orang penonton menyaksikan kejohanan menerusi siaran televisyen di seluruh dunia. SUKOM 98' telah membelanjakan sejumlah RM310 juta melalui sumber dana perdagangan yang diperuntukkan bagi menjayakan kejohanan ini. Bagi Malaysia, SUKOM 98' dilihat sebagai langkah penting ke arah aspirasi untuk mencapai Wawasan 2020. Sukan Komanwel telah membawa kebaikan kepada sukan, industri pelancongan dan pembangunan ekonomi negara.

Penganjuran perlumbaan Formula 1 Petronas GP (F1) memberikan impak yang besar kepada Malaysia (Azlan Akil 2008). Perlumbaan F1 mula diadakan di Malaysia pada tahun 1999 dan kontrak ini berlanjutan sehingga tahun 2015. Kejohanan ini bukan sahaja memberi impak kepada ekonomi negara, malahan turut memberi kesan positif kepada produk pelancongan sukan di Malaysia. Satu tinjauan yang dilakukan oleh Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya (2005) mendapati purata jumlah perbelanjaan bagi menganjurkan kejohanan tersebut pada tahun 2004 dan 2005 ialah bernilai RM285 juta. Manakala perbelanjaan yang dilakukan oleh penonton asing dan penonton tempatan yang menyaksikan kejohanan tersebut pula adalah masing-masing sebanyak RM139 juta dan RM88 juta. Pada setiap tahun, *Petronas Malaysia Grand Prix* dapat menarik lebih daripada 80,000 orang penonton daripada seluruh dunia. Mengikut purata, hampir 34% daripada penonton yang menyaksikan kejohanan tersebut terdiri daripada penonton antarabangsa. Selain itu, kejohanan ini juga disaksikan oleh 580 juta penonton di seluruh dunia melalui kaca televisyen dan disiarkan secara langsung di 184 buah negara. Setiap kali acara sukan ini dilangsungkan, terdapat 11 pasukan mengambil bahagian dan setiap pasukan melibatkan 150 hingga 200 orang termasuk pegawai pasukan, pegawai dan pembantu teknikal dan pemandu yang mengambil bahagian. Kejohanan Sukan F1 mempunyai potensi yang besar dalam menarik kedatangan pelancong ke Malaysia pada setiap tahun sekali gus mempromosikan produk pelancongan sukan ke seluruh dunia. Jadual 1 menunjukkan peratus penonton dan jualan tiket kejohanan mengikut benua.

Selain dari kejohanan besar seperti Sukan Komanwel dan Formula 1 yang berjaya dianjurkan di Malaysia, satu lagi kejohanan yang turut menjadi tumpuan dunia ialah kejohanan *Monsoon Cup* yang diadakan di Terengganu. Berdasarkan hasil kajian terhadap persepsi komuniti tempatan di Pulau Duyung menunjukkan bahawa terdapat kesan positif penganjuran acara itu kepada komuniti tempatan seperti faedah ekonomi dan rasa bangga komuniti tempatan (Nurul Azhani Mohd Amin 2008). Piala Monsun diadakan bagi memperkenalkan Terengganu khususnya Pulau Duyung ke peringkat antarabangsa. Ia juga dapat meningkatkan kedatangan pelancong ke Terengganu khususnya ketika musim tengkujuh. Selain

itu, terdapat pelbagai makanan tradisional Terengganu dijadikan makanan rasmi kejohanan dan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan promosi pelbagai produk tempatan.

Kejohanan Piala Monsun di Terengganu adalah pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara (Gilmour 2008). Matlamat utama kejohanan ini adalah mempromosikan negeri Terengganu dan Malaysia ke seluruh dunia, di samping menjadikan pelancongan sukan sebagai salah satu produk bagi pembangunan ekonomi negara. Selain itu, kejohanan ini turut menggalakkan penglibatan penduduk tempatan di dalam sukan. Kejohanan perlumbaan kapal layar ini mendapat liputan daripada 70 siaran televisyen termasuk siaran tempatan dan antarabangsa. Jumlah penonton yang menyaksikan kejohanan ini telah bertambah dari setahun ke setahun. Pada tahun 2005, jumlah penonton adalah 25,000 orang. Jumlah penonton terus bertambah pada tahun berikutnya kepada 33,700 orang (2006) dan 81,000 orang (2007). Jumlah ini menunjukkan jumlah kedatangan pelancong yang menyaksikan kejohanan Piala Monsun dan berkunjung ke Terengganu telah meningkat pada setiap tahun. Pertambahan jumlah kedatangan pelancong telah menjadikan negeri Terengganu salah satu destinasi pelancongan acara sukan yang popular sekaligus meningkatkan ekonomi penduduk tempatan.

Terdapat kajian tentang pelancongan sukan dijalankan di Tasik Kenyir, Terengganu. Ia adalah berkaitan dengan faktor tarikan pelancong terhadap aktiviti sukan di destinasi percutian tersebut (Aminuddin Yusof et al. 2009). Beliau telah mengklasifikasikan pelancong kepada tiga kelompok utama iaitu (1) bukan pelancong sukan; (2) pelancong sukan aktif dan (3) pelancong sukan pasif. Kajian ini adalah berdasarkan Model Leiper (1990) yang menjelaskan tentang motivasi pelancong terhadap kunjungan mereka ke sesuatu destinasi pelancongan sukan. Penglibatan pelancong terhadap aktiviti sukan di tempat percutian terbahagi kepada tiga elemen utama iaitu semasa bercuti pelancong mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti yang terdapat di tempat percutian, pelancong tertarik dengan acara sukan yang terdapat di tempat percutian dan pelancong berminat untuk menyaksikan sesuatu acara sukan di lokasi percutian. Ketiga-tiga elemen ini dapat membezakan kategori pelancong sama ada pelancongan sukan aktif atau

JADUAL 1. Peratus Penonton dan Jualan Tiket Mengikut Benua

	2003	2004	2005	2006	2007
Jumlah penonton	101,485	84,010	106,422	107,634	115,794
Eropah	6.0%	11.0%	10.0%	10.8%	9.2%
Asia Tenggara	11.3%	25.9%	16.5%	29.5%	14.3%
Asia	2.3%	4.9%	5.0%	7.2%	4.2%
Lain-lain (Afrika Selatan, Amerika & Kanada)	1.3%	2.6%	3.0%	2.03%	2.0%
Malaysia	80.1%	55.6%	66.0%	50.5%	70.2%
Jumlah	100%	100%	100%	100%	100%

Sumber: Azlan Akil 2008

pelancongan sukan pasif. Hasil kajian yang dilakukan oleh Aminuddin Yusof (2009) mendapati kebanyakan pelancong yang mengunjungi Tasik Kenyir terdiri daripada pelancong sukan (81.75%). Daripada jumlah itu, 40.75% adalah pelancong sukan aktif dan 41% adalah pelancongan sukan pasif. Manakala yang selebihnya adalah bukan pelancong sukan iaitu pelancong yang sekadar ingin mengetahui tentang historikal, lawatan dan membeli-belah. Tahap pengetahuan dan motivasi pelancong untuk berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan sukan adalah penting. Terdapat banyak acara dan aktiviti sukan di setiap destinasi percutian mampu menarik kedatangan pelancong sama ada pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa.

Pelancongan dan sukan adalah sektor yang paling besar dan berkembang pesat di seluruh dunia, baik dari aspek sosial mahupun ekonomi (Kurtzman & Zauhar 2003). Menurut Jabil Mapjabil et al. (2009), pelancongan sukan melalui penganjuran sukan bertaraf antarabangsa menjadi pemangkin kepada transformasi pembangunan prasarana sukan dan awam, sosial dan ekonominya. Berdasarkan kajian yang dilakukan di Pulau Langkawi, aktiviti pelancongan berasaskan sukan didapati berpotensi besar untuk dimajukan dan seterusnya menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke pulau peranginan tersebut. Pelbagai pihak yang terlibat sama ada sebagai penganjur, pegawai media, pegawai kejohanan, sukarelawan, pengurus, jurulatih, atlit mahupun peminat setia acara sukan akan 'berkampung' di Pulau Langkawi apabila satu-satu kejohanan dilangsungkan. Potensi alam sekitar dan persekitaran fizikal Pulau Langkawi yang dikelilingi laut dan pulau serta gunung dan hutan di bahagian darat menjadi aset penting kepada penganjuran sukan bertaraf antarabangsa. Ini sekali gus menjadi pemangkin kepada kepesatan pembangunan pelancongan berasaskan sukan di pulau ini. Impak penganjuran beberapa sukan antarabangsa di Pulau Langkawi bukan sekadar mendorong kepada peningkatan ketibaan pelancong terutamanya daripada negara yang menyertai kejohanan tersebut tetapi turut mendapat liputan meluas daripada media pelbagai negara yang terlibat. Faktor ini menyebabkan pelancongan berasaskan sukan di Pulau Langkawi menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan imej negara di peringkat antarabangsa. Pada masa kini, Pulau Langkawi adalah sinonim dengan beberapa penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa seperti *Le Tour de Langkawi*, *Langkawi International Regatta Perdana*, *Royal Langkawi International Regatta*, *Langkawi Ironman Triathlon*, *Wilderness Langkawi Challenge* dan *Ecogames Championship Race*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di Pulau Pinang pada 27 - 30 Julai 2009. Terdapat dua lokasi utama yang menjadi

tumpuan pelancong iaitu di sekitar Batu Feringghi dan Teluk Bahang. Seramai 190 orang responden telah ditemu bual di dalam kajian ini, iaitu penduduk tempatan (116 orang), pelawat harian (23 orang) dan pelancong (51 orang). Majoriti responden ialah lelaki (57.4%) dan berumur dalam lingkungan 21 - 30 tahun (44.0%). Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik dan temu bual secara langsung dengan responden. Borang soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu (1) ciri-ciri demografi responden seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, pendidikan dan pekerjaan; (2) kekerapan melancong, tujuan percutian, ciri-ciri tarikan percutian; (3) kepentingan sukan dalam percutian, penglibatan dalam sukan dan rekreasi dan (4) isu-isu, cadangan dan langkah berkaitan dengan pelancongan sukan. Soalan yang ditanya tidak berfokus kepada negeri Pulau Pinang sahaja, tetapi sebaliknya melihat kepada pengalaman responden terhadap prioriti sukan dalam motif percutian mereka.

Prosedur kajian yang digunakan untuk meneliti prioriti sukan dalam motif percutian ialah melalui penyediaan soalan temu bual dan borang kaji selidik. Responden adalah dalam kalangan penduduk tempatan, pelawat harian dan pelancong yang berada di Pulau Pinang ketika kajian ini dijalankan. Ini adalah satu kajian awal dalam konteks meneliti secara perbandingan prioriti sukan dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa dalam kes di Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Data yang diperolehi dianalisis kepada empat bahagian yang utama iaitu ciri-ciri demografi, motif percutian pelancong, kepentingan sukan dalam percutian dan isu-isu berkaitan pelancongan sukan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

CIRI DEMOGRAFI RESPONDEN

Berdasarkan kajian terhadap prioriti sukan dalam motif percutian di Pulau Pinang, profil demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 2. Majoriti responden adalah lelaki yang melebihi 57%, berumur dalam lingkungan 21 - 30 tahun (44.2%), lebih 70% berstatus bujang serta kebanyakannya sudah berkerjaya dan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan 116 orang penduduk tempatan yang mewakili 61.1% keseluruhan responden terlibat dalam penyelidikan ini. Manakala pelancong ialah 51 orang dan pelawat harian seramai 23 orang. Kebanyakan pelancong dan pelawat harian terdiri daripada pengunjung yang berasal dari utara semenanjung seperti Kedah, Perlis dan Perak. Berdasarkan temu bual dengan pelancong, rata-rata mereka menghabiskan masa hujung minggu bersama keluarga di Pulau Pinang disebabkan kos perjalanan dan penginapan adalah lebih murah dan menjimatkan. Kebanyakan pelancong dan pelawat harian mempunyai saudara-mara dan rakan yang tinggal di Pulau Pinang. Kesempatan ini digunakan oleh responden untuk melawat

mereka di samping mengunjungi destinasi pelancongan di pulau ini. Batu Feringghi adalah terkenal dengan tarikan pantai dan aktiviti sukan dan rekreasi air di sepanjang pantai tersebut. Ia terletak di bahagian utara ke arah barat laut bandar Georgetown dan beberapa hotel bertaraf antarabangsa terletak di kawasan sini.

JADUAL 2. Profil Demografi Responden

Ciri-ciri Demografi	Kriteria	Bilangan	Peratus
Kategori responden	Penduduk tempatan	116	61.1
	Pelawat harian	23	12.1
	Pelancong	51	26.8
Jantina	Lelaki	109	57.4
	Perempuan	81	42.6
Umur	Bawah 20 tahun	52	27.4
	21 - 30 tahun	84	44.2
	31 - 40 tahun	23	12.1
	41 - 50 tahun	21	11.1
	Atas 50 tahun	10	5.3
Taraf perkahwinan	Bujang	136	71.6
	Berkahwin	54	28.4
Pendidikan	Tinggi	95	50.0
	Menengah	88	46.3
	Rendah	6	3.2
	Tidak formal	1	0.5
Pekerjaan	Pekerja sektor awam	32	16.8
	Pekerja sektor swasta	48	25.3
	Berniaga	6	3.2
	Bekerja sendiri	16	8.4
	Suri rumah	5	2.6
	Pelajar	73	38.4
	Lain-lain	10	5.3

PRIORITI SUKAN DALAM MOTIF PERCUTIAN PELANCONG

Jadual 3 menunjukkan kekerapan melancong pada enam bulan pertama dalam tahun 2009. Seramai 96 orang responden pada 6 bulan pertama telah keluar melancong sama ada dalam dan luar negeri. Kebanyakan responden melancong sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan tersebut. Namun, sebanyak 49.5% responden tidak pernah melancong dalam tempoh enam bulan pertama. Secara keseluruhan dapat dilihat bahawa setiap responden yang ditemu bual mempunyai masa dan perancangan untuk membawa ahli keluarga atau bersama-sama rakan berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan pada setiap tahun. Sektor pelancongan sentiasa mendapat sambutan saban tahun dan menjadi salah satu faktor penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Hampir setiap isi rumah menggunakan masa terluang untuk keluar melancong pada setiap tahun. Pelancongan berkembang disebabkan pergerakan manusia untuk mencari sesuatu yang belum diketahuinya, menjelajahi kawasan yang baru, mencari perubahan suasana atau mendapat perjalanan yang baru (Murphy 1985).

Tujuan melancong bukan sahaja untuk mendapat pengalaman yang baru, tetapi juga turut digunakan untuk menikmati percutian dan mengisi masa lapang. Peluang ini juga membolehkan pelancong menemui rakan dan saudara mara. Terdapat pelancong yang berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan untuk tujuan menyertai aktiviti sukan yang dianjurkan di tempat tersebut. Selain itu, tujuan lain yang melibatkan pergerakan pelancong adalah lawatan profesional atau perniagaan dan rawatan kesihatan (Jadual 4).

JADUAL 3. Perbandingan Kekerapan Melancong Enam Bulan Pertama bagi Tahun 2009

Kekerapan	Enam bulan pertama	
	Bilangan	Peratus
0	94	49.5
1 kali	35	18.4
2 kali	32	16.8
3 kali	17	9.5
4 kali	4	2.1
5 kali	8	4.2
Jumlah	190	100.0

Berdasarkan Jadual 4, prioriti dalam motif percutian di Pulau Pinang adalah bercuti dan mengisi masa lapang. Manakala 27 orang responden melancong untuk melawat rakan dan saudara mara di samping bersiar-siar di tempat tersebut. Terdapat 6.3% sahaja responden yang menyatakan motif percutian mereka adalah untuk menyertai aktiviti sukan. Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia - WTO (2001), lebih kurang 60% perjalanan antarabangsa dikaitkan dengan percutian dan kegiatan masa lapang, lebih kurang 30% untuk tujuan perniagaan dan selebihnya perjalanan untuk urusan keluarga, menziarahi tempat suci, menambah ilmu dan sebagainya. Namun begitu, bilangan orang ramai yang keluar untuk melancong adalah semakin meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan perangkaan yang dikemukakan oleh setiap negara.

JADUAL 4. Motif Percutian ke Sesuatu Destinasi Pelancongan

Motif percutian	Bilangan	Peratus
Bercuti dan mengisi masa lapang	159	83.7
Melawat rakan / saudara mara	27	14.2
Menyertai aktiviti sukan	12	6.3
Profesional / perniagaan	10	5.3
Lawatan keagamaan	6	3.2
Rawatan kesihatan	3	1.6
Lain-lain	8	4.2
Jumlah	190	100.0

Sesuatu destinasi pelancongan sudah pasti dikaitkan dengan faktor tarikan yang terdapat di kawasan tersebut. Pelancong akan memilih destinasi pelancongan yang menarik serta mempunyai nilai kepuasan di dalam

diri mereka. Antara tarikan paling utama menjadi pilihan pelancong adalah faktor persekitaran dan pemandangan yang mempesonakan yang terdapat di destinasi pelancongan tersebut. Kajian di Pulau Pinang mendapati 58.9% responden bersetuju bahawa pemandangan dan persekitaran ialah tarikan paling utama di dalam pemilihan sesuatu destinasi yang akan dikunjungi mereka (Jadual 5). Para pelancong sanggup membayar harga yang lebih tinggi untuk menikmati alam sekitar yang menarik, bersih dan bebas daripada pencemaran.

Manakala faktor lain yang menjadi perhatian pelancong adalah ialah membeli-belah dan mempelajari budaya hidup masyarakat setempat. Namun, faktor tarikan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi dilihat kurang menjadi tumpuan kepada motif percutian iaitu cuma 7.4% sahaja memilih ciri tarikan ini. Hasil dapatan kajian ini adalah sama seperti yang dilakukan oleh Nurul Azhani yang melihat tahap kesedaran komuniti tempatan terhadap penganjuran sukan Monsoon Cup. Menurut Nurul Azhani (2008), tahap kesedaran komuniti tempatan adalah masih di tahap rendah di dalam penganjuran acara sukan. Begitu juga dapat dikaitkan dengan tahap kesedaran pelancong terhadap prioriti sukan sebagai motif percutian mereka. Hal ini mungkin kerana pelancongan sukan merupakan produk pelancongan yang masih baru di negara ini jika dibandingkan dengan negara luar yang menjadikan sukan sebagai aktiviti popular dan ciri tarikan terhadap sesuatu destinasi pelancongan.

JADUAL 5. Ciri Tarikan Pelancongan di Destinasi Percutian

Ciri Tarikan	Peratus	Rank
Pemandangan dan persekitaran	58.9	1
Membeli-belah	15.8	2
Budaya hidup masyarakat setempat	13.2	3
Taman tema / rekreasi	9.5	4
Aktiviti sukan dan rekreasi yang disediakan	7.4	5
Taman botanikal / tumbuh-tumbuhan	6.8	6
Aktiviti ekonomi masyarakat setempat	4.7	7

Jadual 6 menunjukkan kepentingan sukan dalam motif percutian dalam kalangan responden di Pulau Pinang. Melalui tinjauan ini, empat kepentingan telah dipilih iaitu hiburan, rekreasi, mengisi masa lapang dan kecergasan. Secara purata, sukan dilihat amat penting kepada aktiviti yang dilakukan oleh responden dalam percutian mereka. Sukan diletakkan sebagai pilihan yang amat penting dalam aktiviti rekreasi pelancong dan pada waktu yang sama pengunjung dapat mengisi masa lapang mereka.

Antara aktiviti yang popular menjadi pilihan pelancong ialah berenang dan mendaki gunung (Jadual 7). Sebanyak 73 orang dan 63 orang responden memilih aktiviti ini sebagai aktiviti sukan dan rekreasi paling utama di samping melakukan aktiviti lain seperti bermain bot

JADUAL 6. Kepentingan Sukan dalam Pelancongan

Kepentingan sukan	Amat Penting	Penting	Tidak penting	Sangat tidak penting
Hiburan	70	86	27	7
Rekreasi	79	95	12	4
Mengisi masa lapang	77	89	18	6
Kecergasan	75	95	16	4
Min	75.3	91.3	18.3	5.3

atau jet ski, berbasikal dan berkayak. Faktor persekitaran destinasi pelancongan yang mempunyai ciri geografi yang menarik seperti pantai, bukit-bukau dan hutan adalah sesuai untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan sukan. Menurut Higham & Hinch (2004), persekitaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pelancongan sukan. Perkembangan pelancongan sukan adalah tertakluk kepada keistimewaan ciri-ciri geografi alam sekitar.

JADUAL 7. Penyertaan Aktiviti Sukan dan Rekreasi di Destinasi Percutian

Aktiviti sukan dan rekreasi	Bilangan	Peratus
Berenang	73	38.4
Mendaki gunung	63	33.2
Bermain jet ski / bot	53	27.9
Berbasikal	46	24.2
Berkayak	33	17.4
Lain-lain	30	15.8

Prioriti sukan dalam motif percutian turut menunjukkan kecenderungan responden dalam beberapa perkara yang tertentu (Jadual 8). Lebih 80% responden bersetuju bahawa aktiviti sukan dan rekreasi dapat memenuhi masa lapang dan acara sukan dan rekreasi dapat menarik minat pelancong melibatkan diri serta menyaksikan acara yang berlangsung. Manakala 78.4% menyatakan kemudahan sukan dan rekreasi lengkap menarik kunjungan pelancong ke destinasi pelancongan. Seterusnya, 76.8% responden merasakan bahawa aktiviti sukan dan rekreasi adalah salah satu tarikan kepada pelancong ke sesuatu destinasi mereka kunjungi. Namun, hanya 67.4% sahaja gemar melakukan aktiviti sukan dan rekreasi di setiap lokasi percutian mereka. Menurut Gibson (1998), pelancongan berorientasikan sukan adalah aktiviti masa lapang yang berpandukan kepada pengembaraan individu secara sementara iaitu keluar dari komuniti untuk bermain, menyaksikan aktiviti fizikal atau memberi penghormatan terhadap tarikan sesuatu aktiviti sukan. Angka peratusan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 9 menunjukkan bahawa kebanyakan pelancong mempunyai minat terhadap aktiviti sukan dan rekreasi di tempat percutian mereka. Walaupun jumlah ini melebihi 50% pada keseluruhannya, namun terdapat 32.6% responden tidak

JADUAL 8. Pernyataan tentang Prioriti Sukan dalam Percutian

Pernyataan tentang prioriti sukan dalam percutian	Ya (%)	Tidak (%)
Aktiviti sukan dan rekreasi dapat memenuhi masa lapang	83.2	16.8
Acara sukan dan rekreasi dapat menarik minat pelancong melibatkan diri dan menyaksikan acara yang dijalankan	82.6	17.4
Kemudahan sukan dan rekreasi lengkap menarik kunjungan pelancong ke destinasi pelancongan	78.4	21.6
Aktiviti sukan dan rekreasi dapat menarik minat pelancong ke destinasi pelancongan	76.8	23.2
Gemar melakukan aktiviti sukan dan rekreasi di setiap lokasi percutian	67.4	32.6

gemar melakukan aktiviti sukan dan rekreasi di lokasi percutian mereka.

Kemudahan asas dan ketersediaan infrastruktur seperti peralatan, perhubungan serta lokasi untuk bersukan yang baik dan lengkap semestinya penting untuk menarik pelancong atau pengunjung melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi yang terdapat di sesuatu lokasi pelancongan. Hal ini mustahak kerana para pelancong sudah pasti menjadikan percutian mereka sebagai suatu pengalaman yang menarik untuk dibawa pulang. Dengan menyertai atau melibatkan diri dalam sebarang aktiviti berkaitan sukan dan rekreasi yang terdapat di setiap lokasi percutian para pelancong pastinya dapat mengisi masa lapang mereka dengan sebaik-baiknya. Malaysia mempunyai pelbagai tempat menarik yang sedia dikunjungi oleh para pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa. Berbanding dengan pelancongan lain, pelancongan sukan sangat berkait rapat dengan persekitaran fizikal di sesuatu destinasi termasuk landskap dan cuaca (Boniface & Cooper 1994). Faktor kemudahan fizikal memainkan peranan yang penting di dalam menarik pelancong berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan. Justeru, persekitaran menarik seharusnya disokong oleh ketersediaan infrastruktur yang lengkap adalah penting di dalam menarik kunjungan pelancong.

Jadual 9 menunjukkan hubung kait penyediaan kemudahan terhadap penyertaan pelancong dalam aktiviti sukan dan rekreasi di sesuatu lokasi percutian. Seramai 92 orang responden menyatakan bahawa potongan harga bagi kemudahan sukan dan rekreasi adalah perlu dalam menarik penyertaan pelancong dalam aktiviti tersebut. Setiap percutian semestinya telah dirancang oleh setiap pelancong sebelum pergi ke sesuatu destinasi kunjungan mereka. Kos perjalanan adalah aspek yang paling diberi perhatian oleh para pelancong kerana perbelanjaan yang melebihi bajet akan menyebabkan percutian mereka terganggu. Oleh itu, pelancong sebolehnya ingin mengurangkan kos di samping dapat menikmati pengalaman yang maksimum dalam percutian mereka. Selain itu, setiap aktiviti yang menyeronokkan di destinasi pelancongan sudah pasti melibatkan kos tambahan. Antaranya untuk membeli-belah, berekreasi dan bermain pelbagai permainan yang disediakan di lokasi pelancongan, seperti bermain jet ski, snorkeling, berkayak dan go kart. Kos yang murah dan berpatutan pastinya akan menggalakkan penyertaan pelancong dalam aktiviti sukan dan rekreasi yang terdapat di destinasi percutian mereka.

Seterusnya, 74 orang dan 69 orang responden masing-masing bersetuju bahawa kemudahan infrastruktur sukan yang sempurna dan kemudahan khas untuk pelancongan melakukan aktiviti sukan adalah cara terbaik di dalam menarik minat pelancong terhadap aktiviti sukan dan rekreasi di setiap destinasi pelancongan. Penyediaan kemudahan untuk bersukan seperti gelanggang badminton, stadium, gimnasium dan trek jogging adalah perlu bagi menarik perhatian pelancong untuk melakukan aktiviti sukan di tempat percutian mereka. Walaupun tidak semua pelancong berminat untuk aktiviti sukan, setidak-tidaknya pengunjung dapat menggunakan masa terluang mereka mencuba kemudahan sukan yang disediakan. Menurut Weed & Bull (2004), faktor-faktor seperti kemudahan sedia ada, keadaan persekitaran semula jadi, suasana tempat atau kehadiran seseorang yang mempunyai minat yang sama di tempat tersebut akan mendorong seseorang melibatkan diri dalam pelancongan sukan. Kemudahan infrastruktur sukan yang baik dan lengkap juga menjadi tarikan kepada penganjuran acara sukan di sesuatu lokasi percutian. Penganjuran acara sukan antarabangsa

JADUAL 9. Penggunaan Kemudahan dan Penyertaan Sukan di Destinasi Percutian

Faktor penggunaan kemudahan dan penyertaan sukan	Bilangan	Rank
Memberikan potongan harga bagi kemudahan sukan dan rekreasi yang disediakan	92	1
Menyediakan kemudahan infrastruktur sukan yang sempurna	74	2
Menyediakan kemudahan khas untuk pelancong melakukan aktiviti sukan	69	3
Mempelbagaikan program sukan di dalam negara	66	4
Membangunkan sukan di setiap daerah	62	5
Penyelarasan dasar kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan	60	6
Meningkatkan penganjuran sukan tempatan dan antarabangsa	59	7
Memberi pendidikan awal mengenai kepentingan sukan	55	8

bukan sahaja memberi pulangan pendapatan kepada negara malahan memperkenalkan sesuatu lokasi penganjuran acara tersebut di peringkat global. Dalam tinjauan terhadap prioriti sukan dalam motif percutian di Pulau Pinang, majoriti responden bersetuju bahawa penyediaan tempat untuk beriadah dan berekreasi kepada pengunjung adalah penting di dalam menarik kunjungan responden ke sesuatu destinasi pelancongan. Penyediaan tempat untuk beriadah dan berekreasi seharusnya ditingkatkan dan tidak hanya tertumpu kepada tempat penginapan sahaja. Pembangunan infrastruktur ini sebaliknya perlu dinaik taraf dan dibangunkan di setiap tempat yang mempunyai potensi dari ciri persekitaran serta mempunyai tarikannya tersendiri.

RUMUSAN

Kajian prioriti sukan dalam motif percutian di Pulau Pinang ini mempunyai signifikan dalam konteks mengenal pasti kecenderungan aktiviti sukan diletakkan sebagai antara perkara yang diberikan pertimbangan dalam membuat keputusan untuk bercuti atau melancong. Kajian awal ini penting untuk meneliti dua isu seterusnya iaitu, (1) sejauh mana prioriti sukan menjadi keutamaan dalam motif percutian antara pelancong domestik dan antarabangsa di Malaysia dan (2) mengenal pasti penglibatan dan minat penduduk di negara ini dalam menyaksikan atau terlibat secara langsung dalam penganjuran sukan. Memandangkan kajian pelancongan sukan masih baru di Malaysia, hasil kajian awal ini didapati berguna sebagai asas penyelidikan pada masa depan serta bermanfaat untuk pelbagai pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan pelancongan sukan di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Universiti Penyelidikan bertajuk *Pelancongan Sukan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara: Kajian terhadap Prioriti Sukan dalam Pelancongan dan kaitannya dengan Penganjuran Sukan serta Implikasinya*. Nombor akaun 1001/PHUMANITI/816073. Seterusnya, jutaan terima kasih kepada Pegawai Penyelidik iaitu Ku Muhammad Hussaini Ku Shabudin di atas bantuan dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Aminuddin Yusof, Mohd Sofian, Parilah & Soh Kim Geok. 2009. *Exploring Small-scale Sport Tourism in Malaysia*. Sport Academy: Universiti Putra Malaysia.
- Azlan Akil. 2008. Investment in F1 sports: issues, impacts and opportunities. 1st Commonwealth Conference on Sport Tourism, Kota Kinabalu, Sabah. 13-15 Mei.

- Badaruddin Mohamed. 2008. *Pelancongan Lestari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boniface, B. G. & Cooper, C. 1994. *The Geography of Travel and Tourism*. 2nd edition. Oxford: Butterworth-Heinemann Ltd.
- Buku Laporan Tahunan Lembaga Pembangunan Langkawi. 2000-2008.
- Gibson, H. J. 1998. The wide world of sport tourism. *Parks and Recreation* 33(9): 108-114.
- Gilmour, P. 2008. *Monsoon Cup, Terengganu: Sport Tourism – The Business Case*. World Match Racing Tour.
- Higham, J. & Hinch, T. 2004. Environment: Landscape resources and impacts. Dlm. *Sport Tourism and Sustainability: Interrelationships, Impacts and Issues* disunting oleh Fyall, A. et al. Clevedon: Channel View Publications.
- Jabil Mapjabil, Aminuddin Yusof & Ku Muhammad Hussaini Ku Shabudin. 2009. Potensi persekitaran fizikal sebagai lokasi pelancongan sukan di Pulau Langkawi. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Ekologi, Habitat Manusia dan perubahan Persekitaran. 20-21 Oktober.
- Kurtzman, J. & Zauhar, J. 2003. A wave in time - the sport tourism phenomena. *Journal of Sport Tourism* 8: 35-47.
- _____. 2006. The future of sport tourism: The perspective of the Sports Tourism International Council. Dlm. *Aspects of Tourism: Sport Tourism: Interrelationships, Impact and Issues*, disunting oleh Ritchie, Brent W. dan Adair, Daryl. New Delhi: Viva Books Private Limited.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. 2009. (atas talian). [http://www.motour.gov .my/index.php/sukan.html](http://www.motour.gov.my/index.php/sukan.html). (20 Mac 2010).
- Mohd Rosly Selamat. 1998. *Event & sponsorship marketing: The Experience of the KL98 Games (XVI Commonwealth Games)*. Kuala Lumpur: SUKOM Ninety Eight Berhad.
- Murphy, P. E. 1985. *Tourism: A Community Approach*. New York: Methuen.
- Nurul Azhani Mohd Amin. 2008. Kajian persepsi komuniti tempatan terhadap pelancongan sukan: Monsoon Cup, Pulau Duyung. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis tidak diterbitkan.
- Ritchie, B. & Adair, D. 2004. *Sport Tourism: Interrelationship, Impacts and Issues*. London: Eddington Hook.
- Ritche, B.W. & Adair, D. 2006. *Sport Tourism: Interrelationship, Impact and Issues*. New Delhi: Viva Books Private Limited.
- Weed, M. & Bull, C. 1999. More than sport holidays: An overview of the sport-tourism link. In M. Scarrott (ed.). *Exploring Sport Tourism: Proceedings of a SPRIG Seminar Held at the University of Sheffield*, 6-28. Sheffield: Sheffield Hallam University.
- Weed, M. & Bull, C. 2004. *Sport tourism: Participants, Policy and Providers*. Oxford: Butterworth Heinemann.
- World Tourism Organization. 2001. *Tourism After 11 September 2001: Analysis, Remedial, Actions and Prospects*. Special Report Number 18. Madrid: World Tourism Organization.
- Yahaya Ibrahim. 2008. *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabil Mapjabil, PhD.
Universiti Sains Malaysia
11800, USM
Pulau Pinang, Malaysia.
e-mel: bill@usm.my

